

CABARAN PENGURUSAN HARTA PEWARISAN FELDA: ANALISIS PERSPEKTIF FIQH

Challenges in Managing Felda Inheritance Assets: An Analysis from The Perspective of Fiqh

ⁱLuqmanul Hakim bin Azhar

ⁱⁱ* Mohd Muslim bin Salleh

ⁱⁱⁱMohamad Fathy El-Etrebi

ⁱPelajar Sarjana Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman.

luqmanulhakimazhar99@gmail.com

ⁱⁱPensyarah Kanan Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman.

dr.muslim@unishams.edu.my

ⁱⁱⁱPensyarah Kanan Kulliyyah Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS), 09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman

fathyeletrebi@unishams.edu.my

*(Corresponding author) e-mail: dr.muslim@unishams.edu.my

ABSTRAK

FELDA merupakan sebuah institusi yang mengurus serta memacu ekonomi para peneroka bagi meningkatkan taraf hidup mereka dan seterusnya membebaskan mereka daripada kemiskinan tegar. Kebijaksanaan pemimpin terdahulu dalam membangunkan institusi FELDA telah membawa kepada penggubalan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang memperuntukkan beberapa sekatan bertujuan mengelakkan tanah dibahagikan kepada unit yang tidak ekonomik. Namun begitu, terdapat permasalahan yang timbul akibat sekatan-sekatan yang dikenakan terutamanya seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 14, 15 dan 7(3) Akta. Seksyen-seksyen

tersebut mengenakan sekatan terhadap pemilik daripada membuat sebarang transaksi jual beli, pajakan atau sewaan. Ini menimbulkan pelbagai cabaran dalam pengurusan tanah pewarisan, khususnya dari perspektif fiqh (perundangan Islam). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak FELDA dalam menguruskan tanah pewarisan. Penyelidik telah menggunakan kaedah kualitatif dalam menganalisa data yang diperolehi daripada kandungan dalam talian dan temu bual bersama Pengurus FELDA Sg. Tiang serta Penyelia Tanah Rancangan FELDA Sg. Tiang. Kajian mendapati terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh pihak FELDA, termasuklah status tanah pewarisan, implikasi penentuan status tanah pewarisan FELDA, pewarisan berlapis dan isu berkaitan dengan pentadbir sebagai pemegang amanah. Penyelidik merumuskan bahawa pindaan terhadap Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 adalah diperlukan bagi menyelesaikan cabaran-cabaran yang dihadapi. Kajian ini mempunyai kepentingan kepada orang awam, para peneroka, pentadbir dan pihak FELDA sendiri, serta penyelidik dan ahli akademik.

Kata Kunci: FELDA, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, harta pewarisan, cabaran, pentadbir

ABSTRACT

FELDA is an institution that manages and drives the economy of settlers to improve their living standards and ultimately free them from extreme poverty. The wisdom of past leaders in developing FELDA involved enacting the Land Act (Group Settlement Areas) 1960, which imposed several restrictions aimed at preventing

land from being divided into uneconomical units. However, problems have arisen due to these restrictions, especially those imposed under Sections 14, 15, and 7(3) of the Act. These sections impose restrictions on owners from conducting any sale, lease, or rental transactions. This creates several challenges in managing inherited land, particularly from the perspective of fiqh (Islamic jurisprudence). Therefore, this study aims to identify the challenges faced by FELDA in managing inherited land. The researcher adopts qualitative methods to analyze data obtained from the online content as well as interviews with the Manager of FELDA Sg. Tiang and the Land Supervisor of the FELDA Sg. Tiang Scheme. The study found several challenges faced by FELDA, including the status of inherited land, implications of determining the status of FELDA inherited land, joint property rights, layered inheritance, and the issue relating to administrator as the trustee. The researcher concludes that amendments to the Land Act (Grouped Settlement Areas) 1960 are necessary to resolve these challenges. This study is significant to the general public, settlers, administrators, FELDA itself, as well as researchers and academics.

Keywords: FELDA, Land Act (Group Settlement Areas) 1960, inherited land, challenges, administrator

PENDAHULUAN

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ialah sebuah agensi kerajaan dan ditubuhkan pada 1 Julai 1965 apabila Akta Pembangunan Tanah (1956) dikuatkuasakan yang bertujuan untuk menangani kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar serta menaik taraf hidup mereka dengan cara pembangunan tanah dengan penanaman sawit dan

getah.¹ Modal permulaan sewaktu penubuhan ialah sebanyak RM 10 Juta dengan penempatan awal seluas 16.2 kilometer persegi pokok getah yang dibuka di Ayer Lanas, Kelantan.²

Dalam konteks sebuah negara Islam, pengurusan harta merupakan salah satu daripada perkara yang perlu dititik beratkan oleh mana-mana institusi. Pihak FELDA berfungsi mengurus dan menyelesaikan isu pewarisan berlaku. Namun, terdapat cabaran yang dihadapi oleh pihak FELDA terhadap tanah peneroka. Ini berpunca daripada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 itu sendiri.

Memandangkan tanah FELDA merupakan tanah berkelompok, maka ia terikat dengan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Pihak FELDA memberi kepada peneroka dua jenis tanah iaitu tanah kegunaan pertanian dan kawasan perumahan. Kedua-dua jenis tanah ini bersifat kekal dan tidak boleh dipisahkan atau pindah milik berdasarkan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.³ Ikbal Salam pula menyatakan, mana-mana peneroka FELDA tidak boleh membuat hibah, kuasa wakil, wasiat kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis dari FELDA terlebih dahulu.⁴ Ini menunjukkan keistimewaan pemilikan tanah FELDA dalam hal pengurusan harta kerana pengurusan harta Islam tidak pernah mengehad dan membataskan sebarang penggunaan terhadap harta miliknya. Maka, secara pasti akan terhasilnya disana cabaran-cabaran yang berkait dengan permasalahan hak pewarisan peneroka dan generasi seterusnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dalam reka bentuk kualitatif yang bertujuan mengetahui cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak FELDA. Kajian

¹ Laman Sesawang, Mengenai FELDA, <https://www.felda.gov.my/umum/felda/mengenai-felda>.

² Wikipedia, *Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan*, tt, https://ms.wikipedia.org/wiki/Lembaga_Kemajuan_Tanah_Persekutuan#Sejarah

³ Nik Erman, Masalah Hak Pewarisan Peneroka FELDA, Bertentangan dengan sHukum Islam ?, (2022, Oktober), <https://law-aka.com/masalah-hak-pewarisan-peneroka-felda-bertentangan-dengan-hukum-islam/>.

⁴ Ikbal Salam. (2020, September), Polemik Pusaka di Tanah Rancangan FELDA, <https://bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1884652>

mampu meneroka secara terperinci cabaran yang timbul daripada undang-undang berkaitan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

Kaedah pengumpulan data ataupun instrumen kajian yang dijalankan ialah dengan menggunakan temubual separa berstruktur bersama pihak-pihak yang berkepentingan iaitu Pengurus dan Pegawai Rancangan Tanah FELDA Sg. Tiang. Justifikasi pemilihan kerana mereka bertanggungjawab dan terlibat dalam menguruskan harta dan tanah peneroka. Penyelidik juga menganalisa dokumen undang-undang yang dilihat terkait dengan tanah FELDA iaitu Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dan dasar FELDA yang berkait dengan pengurusan FELDA.

SOROTAN LITERATUR

Kajian yang dilakukan oleh Nur Sarah Tajul Urus et al (2021) yang bertajuk Harta Sepencarian Dan Warisan Dalam Konteks Strategi Model Baharu FELDA: Satu Pelan Inovasi Warisan Keluarga menyatakan FELDA mula berspektrum inovasi melalui Strategi Model Baharu FELDA yang melalui fasa-fasa perkembangannya yang tersendiri mula dilancarkan pada tahun 2020. Model Baharu yang dipacu oleh FELDA kali ini dilihat memberi impak yang positif kepada FELDA itu sendiri dalam mengalih mentaliti peneroka FELDA seterusnya dapat memacu aspek penggunaan teknologi moden, automasi, mekanisasi dan pertanian pintar secara tuntas. Seperti diketahui, apabila berlakunya kematian atau perceraian peneroka FELDA, maka proses tuntutan harta akan berlaku, di mana tanah FELDA tertakluk dan dibincangkan dibawah Kanun Tanah Negara 1965 dan sekatan perundangan dalam Seksyen 14(2) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Objektif kajian tersebut dijalankan ialah bertujuan mengetahui konsep harta sepencarian dan warisan dalam isu tanah FELDA berlandaskan hukum syarak dan undang-undang di Malaysia. Kajian berbentuk kualitatif dengan mengambil beberapa kes secara rawak kemudian dianalisis. Kajian juga mendapati harta sepencarian dan warisan sudah menjadi amalan generasi kedua dan ketiga peneroka FELDA.

Seterusnya, Rika Febri Anti Lubis dan Rabiatal Abawiyah (2023) menjalankan kajian berkenaan Pewarisan Harta Di Minangkabau Dalam Perspektif Kompilasi Hukum Islam. Kajian membandingkan antara Kitab Adat Minangkabau dan undang-undang Islam dari perspektif hukum faraid serta perselisihan antara adat dan hukum syarak. Kajian mendapati terdapat persamaan dan perbezaan di antara Kitab Adat Minangkabau dan undang-undang Islam dari segi amalannya.

Kajian yang dijalankan oleh Azfaizan Ahmad Sarkawi (2024) bertajuk Sistem Pewarisan Tanah FELDA: Tatakelola dan Implikasi Terhadap Hubungan Sosial Dalam Kalangan Warga FELDA telah memberi tumpuan terhadap aspek tatakelola dan kesan sosial dalam kalangan komuniti FELDA berikutan pelaksanaan peruntukan-peruntukan dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Kajian ini menggariskan pelbagai kekangan dari sudut perundangan seperti had maksimum dua pentadbir, larangan pecah sempadan, serta kesan terhadap hubungan kekeluargaan peneroka FELDA. Ia turut mencadangkan beberapa mekanisme penyelesaian secara pentadbiran dan perundangan. Namun begitu, kajian tersebut tidak memberikan menumpukan secara langsung kepada analisis fiqh berkaitan cabaran pengurusan pewarisan tanah FELDA.

Kajian seterusnya dilakukan oleh Ilmy Amaliah et al (2023) berkenaan Keadilan Hukum Waris Tinjauan *Maslahah Mursalah*. Kajian ini dilakukan menggunakan metodologi kualitatif dengan meneliti data-data daripada buku-buku, dan artikel ilmiah. Kajian menekankan perbincangan berkisar konsep adil disisi syarak dalam hukum faraid yang diwajibkan oleh Allah apabila berlakunya kematian dan kajian juga mendapati bahawa hukum faraid yang diturunkan oleh Allah menepati dan selari dengan konsep adil yang diiktiraf oleh syarak dan mempunyai *maslahah*. Namun, kajian yang dilakukan terbatas dan tertumpu pada konsep keadilan dalam hukum faraid melalui sudut pandang *maslahah mursalah*. Berbeza dengan kajian penyelidikan yang mengkaji secara mendalam berkenaan cabaran yang dihadapi oleh pihak FELDA dalam mengurus berkenaan harta pewarisan peneroka.

Kajian seterusnya bertajuk Hurriyyat Al-Tasarruf dalam Amalan Pemilikan Tanah FELDA yang dijalankan oleh Muhamat Faizal Marjani et al pada 2024. Kajian tersebut berobjektif menerangkan konsep *hurriyat al-tasarruf* iaitu kebebasan melakukan sebarang transaksi. Disamping mengkaji piawaian mengikut prinsip Islam dan menghuraikan konsep pemilikan tanah di FELDA. Kajian dilakukan dalam bentuk kualitatif dengan pendekatan penyelidikan teori melalui perbandingan melalui data yang diperoleh daripada dokumen dan temubual. Kajian tersebut mendapati tindakan pemerintah meletakkan sekatan terhadap tanah tersebut mempunyai kepentingan namun kajian lanjut perlu dijalankan bagi memberi cadangan penyelesaian terhadap beberapa isu yang timbul. Namun, kajian yang dilakukan ini hanya membincangkan berkenaan konsep kebebasan pemilikan tanah di FELDA.

Berdasarkan kajian yang disenaraikan penyelidik, masih tiada kajian yang secara spesifik dan mendalam membincangkan berkenaan cabaran-cabaran yang dihadapi khususnya oleh pihak FELDA dalam menguruskan tanah pewarisan FELDA. Oleh itu, kajian ini memberi penekanan berkenaan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak FELDA.

FIQH PEWARISAN FELDA

Fiqh pewarisan pada hakikatnya seerti dengan fiqh mirath, faraid, dan lain-lain. Ini kerana fiqh pewarisan merupakan suatu ilmu yang membicarakan hal ehwal berkenaan harta peninggalan si mati yang perlu dibicarakan.

Fiqh pewarisan berasal daripada perkataan *al-irthi*. Al-Zabidi menyatakan *mīrath* dan *al-irthi* berasal daripada kata ambilan yang sama.⁵ Jika diterjemahkan daripada Bahasa Arab ke Bahasa Melayu, ia dikenali dengan pewarisan. *Al-Irthi* atau pewarisan pada asal Bahasa Arab membawa maksud perkara yang lama. Maka dikatakan seseorang

⁵ Muḥammad Murtaḍā Al-Zabīdī, *Tāj al-ʿArūs Min Jawāhir al-Qamūs* (Wizarah al-Irsyad wa al-Anbaʿ Fi Kuwait, 1995-2001) 5: 155.

itu mewarisi daripada orang sebelumnya. Juga dikatakan baki daripada sesuatu.⁶

Adapun daripada sudut syarak pula membawa maksud suatu kadar yang tertentu yang ditentukan oleh syarak kepada ahli waris.⁷ Maka, secara tidak langsung dapat diketahui bahawa pewarisan mempunyai beberapa rukun utama seperti yang telah dinyatakan di dalam takrif tadi.⁸ Rukun pewarisan adalah seperti berikut:

a) *Al-Muwarrith*.

Yang dimaksudkan dengan *al-muwarrith* adalah yang meninggal atau dihukum dengan mati.

b) *Al-Wārith*.

Yang dimaksudkan dengan *al-wārith* ialah mereka yang hidup atau dihukum dengan hidup setelah kematian *al-muwarrith* dan layak untuk mendapatkan bahagiannya samada secara *fardū* atau *aṣābah*.

c) *Al-Maūrūth*.

Iaitu harta peninggalan. Bahkan ia merangkumi harta dan hak seperti hak cipta terpelihara, hak sewa dan lain-lain.

Maka, isu-isu yang timbul berkenaan harta dan hak pewarisan FELDA akan berlegar dalam tiga perkara ini, iaitu:

- i. Peneroka FELDA.
- ii. Anak dan kebawah bagi Peneroka FELDA.
- iii. Harta peneroka yang ditinggalkan.

PENGURUSAN HARTA PEWARISAN FELDA

Prosedur Pembahagian Harta Pewarisan FELDA

⁶ Ibid.

⁷ ‘Umar Ruslān Al-Bulqīnī, *al-Tadrīb Fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī*, Tahqiq Nashat Kamal, (Dar al-Qiblatain, 2012), 2: 293.

⁸ *Al-Mawsū‘ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaytiyyah* (Wizārah al-Awqāf Wa al-Syu‘ūn al-Islamiyyah, 1984-2006), 3: 21.

Pengamalan di FELDA apabila berlakunya sesebuah kematian adalah seperti berikut⁹ :

- a) Ahli waris perlulah melaporkan kematian peneroka kepada Pejabat Rancangan FELDA.
- b) Menyerahkan dokumen berikut kepada pihak FELDA:
 - i. Salinan Sijil Kematian
 - ii. Salinan kad pengenalan; dan
 - iii. Salinan geran hak milik tanah (sekiranya telah ada hak milik); dan
 - iv. Lain-lain dokumen harta alih.
- c) Pihak FELDA merekodkan kematian dalam Sistem Komputer Berintegrasi (SKB)
- d) Tuntutan harta sepencarian (jika peneroka meninggalkan balu) oleh isteri.
- e) Pengisian Borang Permohonan Pusaka Kecil (Borang A [Peraturan 3(1)]) oleh waris peneroka dan lampiran dokumen yang diminta.
- f) Permohonan dihantar ke Unit Pembahagian Pusaka, atau membuat permohonan secara atas talian melalui www.jkptg.gov.my.

Cabaran-Cabaran Utama Pengurusan Harta di FELDA

Status Tanah Pewarisan

Dalam perspektif Islam, pemilikan tanah kesemuanya adalah milik Allah SWT namun manusia diberi amanah untuk mengurus dan memanfaatkan tanah tersebut.¹⁰ Kerana itulah, seseorang bebas menggunakan harta miliknya namun dengan syarat bahawa penggunaannya itu tidak pada perkara yang Allah SWT larang. Adapun aplikasinya di FELDA, secara umumnya seperti kebiasaan yang diamalkan, setelah selesai proses

⁹ Laman Sesawang FELDA, <https://www.felda.gov.my/peneroka/sumbangan-sosioekonomi/pewarisan>.

¹⁰ Ali Akbar, "Konsep Kepemilikan Dalam Islam", *Jurnal Ushuluddin*, vol 18/2, (2012): 126.

pengebumian jenazah seseorang yang beragama Islam, maka menjadi kewajiban ahli waris untuk menguruskan harta berkaitan dengan si mati.

Di dalam kes ini, anak dan cucu peneroka atau yang lebih tepat adalah ahli waris perlu mengambil tahu perkara seterusnya yang perlu dilakukan oleh mereka setelah kematian peneroka. Namun, status tanah FELDA menjadi permasalahan dan isu utama dalam menjustifikasi keadaan sebenar tanah FELDA tersebut. Ini bertitik tolak keunikan daripada Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 sementara pemilikan tanah biasa tertakluk kepada Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Pada 1960, parlimen telah bersetuju meluluskan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 yang telah digubal dibawah Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan. Ia dikuat kuasa bermula 30 Mei 1960.¹¹

Ini dibuktikan dengan pernyataan Pengurus FELDA Sg. Tiang yang menyatakan bahawa:

“Apatah lagi isu Akta GSA 1960 ni. Sebab itulah yang saya nyatakan tadi, ada yang beranggapan bahawa apabila matinya peneroka, wajib turun ke isteri sedangkan tidak sebegitu.” – (Pengurus FELDA Sg. Tiang)

Akta ini menjadi punca utama permasalahan dalam menentukan status tanah pewarisan di FELDA. Sebahagian ahli waris salah faham dan tidak tahu berkenaan sekatan di dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 ini sehingga ada yang menjual beli, memajak dan menyewa tanah dan ladang tersebut. Perkara ini diakui oleh Penyelia Rancangan Tanah FELDA Sg. Tiang:

“...kerana dari segi tanah FELDA ini tidak boleh dipajak, tidak boleh dijual, tidak boleh di sewa. Namun, transaksi tetap berlaku. Ada satu kes, dia kata kalau saya bersama untuk sertai tanam semula ni, saya

¹¹ Noorizan Mohamed Hasnan et al., *Pindaan Akta GSA (2002) dan Cadangan Model Pembahagian Harta Pusaka Tanah Rancangan FELDA*, dibentangkan di Persada Canselor UKM, 12 September-13 September, (2017).

akan disaman oleh pemajak. Sebab ada perjanjian apa semua. Saya pun lihatlah perjanjian itu, betul ada perjanjian. Saya kata lah, ini tidak laku.” – (Penyelia Rancangan Tanah FELDA Sg. Tiang)

Jadi, pemberian pemilikan tanah kepada peneroka dilaksanakan secara terancang dan sistematik, bukannya secara ad-hoc, dengan matlamat untuk membangunkan kawasan pertanian berskala besar secara berkesan dan mampan. Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 menyatakan bahawa tujuan akta ini ditubuhkan adalah untuk memastikan keseragaman undang-undang dan dasar bagi tujuan pelaksanaan kawasan penempatan berkelompok dan syarat-syarat untuk diberi pemilikan dan penempatan tanah di kawasan tersebut serta perkara-perkara lain yang berkaitan.¹² Bukan itu saja, Akta ini dipinda bertujuan menyeragamkan pelaksanaannya di semua negeri di Semenanjung Malaysia, khususnya dari segi polisi dan kuasa eksekutif yang diberikan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Akta ini digubal bagi mewujudkan penempatan baharu yang terancang, disokong oleh sumber-sumber ekonomi melalui pembukaan ladang-ladang yang dikendalikan oleh pihak FELDA.

Dalam satu kawasan rancangan FELDA, terdapat dua kategori penempatan iaitu kawasan penempatan luar bandar dan kawasan penempatan bandar. Berdasarkan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, kawasan penempatan luar bandar merujuk kepada kawasan ladang peneroka sepertimana yang dinyatakan di dalam subseksyen 5(2) dan subseksyen 25(2)(c) Akta. Kawasan penempatan luar bandar hanya mempunyai sejenis pegangan sahaja yang disebutkan di dalam subseksyen 7(2). Kawasan penempatan bandar pula merupakan kawasan residen menurut seksyen 6 dengan dua jenis pegangan iaitu pegangan luar bandar dan pegangan bandaran seperti yang dinyatakan dalam subseksyen 7(2) dan (3). Kawasan penempatan bandar dengan pegangan luar bandaran digunakan untuk kediaman komuniti peneroka FELDA, manakala kawasan penempatan bandar dengan pegangan

¹² Portal Rasmi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, <https://www.jkptg.gov.my/my/panduan/senarai-undang-undang/akta-tanah-kawasan-penempatan-berkelompok-1960>.

bandaran diperuntukkan untuk tujuan komersial, perindustrian, kediaman atau utiliti awam.

Implikasi Penentuan Status Tanah Pewarisan FELDA.

Cabaran timbul sewaktu proses pemindahan nama dari peneroka kepada ahli waris peneroka yang layak disebabkan sekatan yang dikenakan di dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 tersebut.

Ini kerana, dalam konteks FELDA, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 menyekat daripada nama peneroka di geran tanah tersebut dipindah milik kepada waris yang lain. Ini kerana sebarang transaksi jual beli, sewa, pajak adalah dilarang. Ini bermakna, waris yang lain hanya boleh bertindak selaku pentadbir, tidak sebagai pemilik.¹³ Pemilik pada terma penggunaan FELDA adalah individu yang berkuasa sepenuhnya ke atas harta yang dimilikinya (lot rumah dan lot ladang) serta hasil miliknya sepenuhnya. Adapun pentadbir pula adalah individu yang tidak berkuasa sepenuhnya ke atas harta yang ditadbir (lot rumah dan lot ladang). Harta yang diperolehi perlulah dibahagikan mengikut pembahagian faraid yang ditetapkan oleh syarak kepada ahli waris yang layak.¹⁴ Ini menjadi asas sandaran batasan dan sekatan yang dikenakan kepada ahli waris peneroka FELDA.

Namun, terdapat segelintir ahli waris peneroka yang kurang memahami sistem ini. Sebahagian daripada mereka menyedari kelainan tanah FELDA kerana bukan tertakluk dibawah Kanun Tanah Negara (KTN), namun tidak menyedari kesannya terhadap proses pewarisan dan pemindahan hak milik. Ini dikuatkan lagi dengan kenyataan oleh Penyelia Rancangan Tanah FELDA Sg. Tiang yang menyatakan:

“Namun, terdapat segelintir ahli waris peneroka yang kurang memahami sistem ini. Sebahagian daripada mereka menyedari kelainan tanah FELDA, namun

¹³ Laman Sesawang FELDA, <https://www.felda.gov.my/peneroka/sumbangan-sosioekonomi/pewarisan?>.

¹⁴ Ibid.

impak terhadap tanah ini yang berbeza...” – (Penyelia Rancangan Tanah FELDA)

Selain itu, seksyen 15(3) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 juga tidak membenarkan tanah tersebut daripada dipajak keseluruhan ataupun sebahagian.¹⁵ Sehubungan itu, tanah rancangan FELDA pada asalnya adalah dimiliki oleh peneroka tersebut, namun beberapa sekatan dilakukan oleh pihak kerajaan, kemudian hasil daripada sekatan inilah timbulnya permasalahan lain rentetan daripada penggubalan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.

Pewarisan Berlapis

Pewarisan berlapis atau munaskhat membawa maksud suatu *pentashih* an masalah namun ia berbeza dengan *tashih* yang biasa pada ia merujuk pada satu kematian, namun pada munasakhat ini tertumpu pada banyak kematian iaitu dua lapis keatas.¹⁶ Munasakhat digunakan apabila salah satu ahli waris meninggal dunia sebelum harta pewarisan dibahagikan.

Merujuk kepada isu sistem pembahagian dan keterkaitan tanah FELDA dengan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Akta ini melarang pemindahan nama pemilik asal kepada lebih daripada dua individu dan menghalang pecah pembahagian tanah. Dengan itu, sebahagian ahli waris mengambil ringan dan enteng perkara ini dan akan menyebabkan harta pewarisan peneroka yang pada asalnya hanyalah satu lapis, akan berkembang menjadi berlapis-lapis. Ini hasil daripada sikap ahli waris yang menyangka harta FELDA seperti tanah lain yang berada di bawah Kanun Tanah Negara (KTN).¹⁷ Maka ini menyebabkan kebuntuan dalam pewarisan.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Zakariyyā Muḥammad Al-Ansārī, *al-Ghurar al-Bahiyyah fī Sharḥ al-Bahjah al-Wardiyyah* (al-Matba'ah al-Maimaniyyah, tt), 3: 455.

¹⁷ Norazila Mat Husain & Nasrul Hisyam, “Mekanisme Pembahagian Harta Pusaka Tanah Rancangan: Kajian di FELDA Taib Andak, Kulai Johor”, *Jurnal KANUN*, vol 25, no. 1, (2013): 1.

Perkara ini selari dengan kenyataan oleh Pengurus FELDA Sg. Tiang ketika menyatakan cabaran dalam menangani kes pewarisan berlapis:

“...dari sudut komitmen pun susah lah. Sangat-sangat susahlah. Ada yang duduk jauhlah dan ada yang tidak ambil tahu langsung. Ada yang rasa aku sudah senang, lebih baik bagi kepada adik beradik yang susah lah. Dari sudut percakapan mulut, ia nampak baik. Tapi, hakikatnya kita biarkan perkara yang sangat-sangat penting iaitu harta pusaka sebagai waris hidup.” – (Pengurus FELDA Sg. Tiang)

“...ia terlalu rumitlah. Sehingga perlu imbas dahulu kad pengenalan baru boleh pindah ke kolum seterusnya. Sangat terperinci. Di sebabkan itulah kami akan mengalami kesukaran dalam menyelesaikan isu pewarisan berlapis ini. Ada yang sembunyi waris, sebab apabila sudah terlalu banyak ahli waris, mereka tidak mahu menyusahkan perbicaraan, maka mereka pun menyembunyikan ahli waris. Dan ada yang sudah hilang jejak.” – (Penyelia Rancangan Tanah FELDA Sg. Tiang)

Daripada kedua-dua kenyataan diatas, ia menunjukkan kesukaran dalam menyelesaikan isu pewarisan berlapis ini khususnya tanah FELDA ini. Seperti yang dinyatakan diatas, terdapat kes Mahkamah yang berlaku di FELDA Sg. Tiang disebabkan menyembunyikan ahli waris yang berhak. Ini dapatan berdasarkan kenyataan Penyelia Rancangan Tanah FELDA Sg. Tiang yang menyatakan:

“Ada lagi satu kes yang panas di FELDA Sungai Tiang yang mana kes sembunyi waris. Kemudian, mahkamah keluarkan lagi satu surat untuk ulang bicara. Sebabnya ada ahli waris timbul. Dan kedua pentadbir yang dilantik tersebut pula bukan dari kalangan ahli waris pun dan tiada persetujuan.” – (Penyelia Rancangan Tanah FELDA)

Ini memberi faham bahawa kes pewarisan berlapis di FELDA khususnya Sg. Tiang menghadapi kesukaran dalam melancarkan pengurusan harta pewarisan tersebut. Ini kerana amalan di FELDA Sg. Tiang adalah ahli waris peneroka tersebut perlulah menyelesaikan terlebih dahulu bicara kuasa sebelum melayakkan dirinya untuk mendapat hasil bersih setelah tolak hutang tanaman yang ditetapkan oleh pihak FELDA.

Maka tidak keterlaluan jika perkara ini dianggap sebagai barah bagi kemajuan ekonomi umat Islam di Malaysia. Ini berdasarkan data yang menyatakan aset pusaka tak alih yang belum dituntut milik orang Islam semakin bertambah saban tahun. Nilai aset pewarisan yang belum dituntut dianggarkan sebanyak RM 60 bilion pada tahun 2016 berbanding RM 40 bilion pada tahun 2007.¹⁸ Sudah tentu tanah peneroka FELDA antara penyumbang bagi aset pewarisan tidak dituntut tersebut. Perkara ini dikuatkan lagi dengan kenyataan oleh Penyelia Rancangan Tanah FELDA Sg. Tiang yang mmbicarakan berkenaan kebarangkalian tersebut:

“Saya terfikir, apabila tidak mahu lakukan bicara kuasa, sampai bila kami hendak pegang duit mereka? Sebab bank pun ada tempoh waktu tersebut. Apabila lepas sesuatu tempoh, akan pergi ke Amanah Raya Berhad pula. Dan bila tiada tuntutan juga, maka akan ke harta yang tidak dituntutlah.” – (Penyelia Rancangan Tanah FELDA Sg. Tiang)

Nilai ini akan semakin bertambah tahun demi tahun apabila tidak diambil peduli oleh pentadbir tanah peneroka, waris dan masyarakat secara keseluruhannya, dan akhirnya menyebabkan ekonomi umat Islam tertahan.

Situasi ini menggambarkan betapa lemahnya pengurusan harta tanah pusaka dalam kalangan masyarakat Islam, khususnya bagi aset yang terikat dengan peraturan dan sekatan tertentu dibawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Kelambatan menguruskan

¹⁸ Bibi Nur Adila & Md Yazid, “Kekangan dan Penyelesaian Kelewatan Pengurusan Aset Pusaka Tak Alih Orang Islam di Malaysia”, *ISLAMIIYAT*, Vol 38, no. 1, (2016): 54.

harta tanah pusaka pewarisan ini bukan sahaja menyebabkan ekonomi umat Islam beku, bahkan membuka ruang pertelingkahan dan pertikaian dalam kalangan ahli waris. Dan juga menyebabkan berlakunya kerumitan terutamanya dalam menyelesaikan kematian berlapis. Tanah yang sepatutnya menjadi aset yang mampu memberikan hasil lumayan kepada ahli waris peneroka, akhirnya menjadikan liabiliti kepada negara umumnya, dan pihak FELDA khususnya.

Kematian berlapis menyebabkan proses pembahagian harta pusaka menjadi semakin kompleks. Isu ini menimbulkan cabaran yang lebih banyak dalam pengurusan harta pusaka khususnya di FELDA. Antaranya adalah:

- i. Penentuan waris yang berhak. Ini kerana apabila terjadinya kematian berlapis, perkara yang paling penting adalah menentukan ahli waris yang berhak. Sebagai contoh, apabila peneroka meninggal dunia, beliau meninggalkan ahli waris yang terdiri daripada isteri, anak lelaki, anak perempuan dan cucu-cicit daripada anak lelakinya. Maka ia akan menjadi lebih rumit apabila anak peneroka meninggal dunia sebelum daripada harta dibahagikan, maka disini akan berlakunya munasakhat yang menuntut kepada penelitian yang lebih.
- ii. Kelewatan dalam proses pembahagian. Kematian berlapis boleh menyebabkan kelewatan dalam proses pembahagian harta pewarisan peneroka dan kematian kedua dan seterusnya kepada ahli waris yang berhak.
- iii. Kos pentadbiran yang meningkat. Setiap kematian sudah pasti memerlukan kepada proses pentadbiran harta pusaka yang tertentu. Dengan berlakunya kematian berlapis, maka sudah pasti kos yang akan dibayar juga lebih tinggi bagi menguruskan untuk setiap individu yang telah meninggal dunia.

Kelewatan dan kos yang tinggi merupakan kesan yang nyata dan jelas terutama bagi kes pewarisan kematian berlapis. Kelewatan kerana ia berpunca daripada kesan pertama iaitu penentuan waris yang berhak untuk mengambil bahagian harta tersebut. Aspek seperti perubahan

status ahli waris akibat perkahwinan, perceraian atau kematian waris lain turut perlu diambil kira. Jika terdapat kematian ahli waris yang lain sewaktu tempoh proses dijalankan maka ia akan menjadikan kes tersebut semakin kompleks kerana memerlukan pengiraan semula bagi sebahagian ahli waris. Ini disokong dengan pernyataan Pengurus FELDA Sg. Tiang itu sendiri yang menyatakan:

“Semakin lama semakin rumit. Di Sungai Tiang ada yang ke tahap sudah tidak mampu untuk jejak waris kerana tak tahu dan tak jumpa. Bagi yang sudah jejak waris dan tidak jumpa, maka mereka perlu hubung dengan Pejabat Pusaka dan nyatakan kami sudah buat carian dengan iklan atau cara-cara yang mereka gunakan dan tidak jumpa.” – (Penyelia Rancangan Tanah FELDA Sg. Tiang)

Apabila kes menjadi terlalu rumit, kebiasaannya akan menyebabkan berlakunya kes-kes sebegini seperti yang telah dinyatakan diatas. Ini disebabkan proses penentuan ahli waris yang berhak untuk mendapat bahagiannya seterusnya mengakibatkan kelewatan dalam proses tersebut. Tambahan pula kelewatan ini bukan sahaja berpunca daripada proses teknikal tetapi disebabkan faktor lain seperti persetujuan waris, pertikaian dalaman, dan lain-lain dimana penyelidik merumuskannya di dalam subtopik pecah amanah dan kesalahfahaman.

Secara langsung, ia akan memberi kesan kepada kos dalam menyelesaikan kes kematian berlapis ini di peringkat ahli waris Peneroka FELDA. Kos ini bukan sahaja membebankan ahli waris, malah boleh menyebabkan sebahagian ahli waris enggan meneruskan proses pembahagian kerana tidak mampu menanggung kos yang agak tinggi. Akibatnya, hasil setelah tolak hutang tidak dapat dituntut. Ini disokong oleh kenyataan Penyelia Rancangan Tanah FELDA Sg. Tiang yang menyatakan bahawa:

“...kos sebenarnya tidaklah memakan jumlah yang tinggi. Satu carian lebih kurang RM 70. Tiga carian RM 210. Cumanya kos yang tinggi adalah kos yang melibatkan kes-kes kematian berlapis. Itu memang kos

yang bukan semua ahli waris mampu untuk tanggung.” – (Penyelia Rancangan Tanah FELDA Sg. Tiang)

Ini memberi bukti bahawa bagi kes biasa, dengan maksud kes kematian yang belum menjadi rumit dengan banyaknya kematian ahli waris, ia tidaklah mengambil masa yang lama untuk diselesaikan berbeza dengan kes yang melibatkan pewarisan yang berlapis. Penyelidik menyimpulkan bahawa, apabila kes semakin rumit disebabkan banyaknya kematian ahli waris Peneroka FELDA, maka ia mengakibatkan kos juga semakin meningkat.

Seterusnya, penyelidik mendapati, dalam konteks pewarisan FELDA, sekatan terhadap pemindahan hak milik harta pewarisan tersebut di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 menyebabkan proses ini menjadi sulit. Ia juga berpotensi menyebabkan sebahagian ahli waris tidak mendapat hak harta pewarisan mereka di samping akan meningkatkan potensi pertelingkahan dalam kalangan ahli waris.

Tambahan pula, isu pewarisan berlapis ini menyumbang secara langsung kepada bilangan aset yang tidak dituntut oleh ahli waris semakin meningkat. Dengan itu, ia menjejaskan ekonomi negara secara umumnya kerana terdapat harta yang beku yang tidak dapat digerakkan bagi menjana hasil bagi negara untuk urusan eksport dan import, dan kepada ekonomi waris peneroka secara khusus.

Pentadbir Pecah Amanah dan Kesalahfahaman Antara Ahli Waris

Perselisihan faham antara ahli waris peneroka sering berlaku tambahan berkenaan tanah rancangan FELDA. Ini kerana sekatan yang dikenakan menyebabkan penambahan syarat-syarat yang perlu di lakukan sebelum mendapat hak penggunaan yang diiktiraf oleh pihak FELDA. Tambahan pula sistem rekod di FELDA khususnya FELDA Sg. Tiang masih ada menggunakan geran yang lama dan ada yang sudah hilang. Ini dinyatakan oleh Pengurus FELDA Sg. Tiang sendiri:

“...jadi dari sudut geran pun masih menggunakan sistem tangan, yang perlu lipat dan besar sewaktu itu sehingga kini. Bagi kami, ia merupakan perkara yang tidak terkini. Ada yang sudah laksanakan bicara kuasa tadbir, tapi surat tidak sampai ke pejabat, hilang, dan lain-lain.” – (Pengurus FELDA Sg. Tiang)

Ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada tertangguhnya proses pewarisan dan berkemungkinan berlakunya perselisihanfaham dalam kalangan ahli waris.

Peyelidik mendapati isu yang sama juga dihadapi oleh pihak FELDA di Taib Andak, Kulai Johor. Daripada 201 responden yang disoal berkenaan isu pentadbir yang pecah amanah, sebanyak 190 (90 peratus) responden menyatakan persetujuan dengan pernyataan tersebut manakala baki tersebut sebanyak 11 (10 peratus) responden menyatakan tidak menyokong.¹⁹ Semestinya ia akan mengakibatkan berlaku banyak aduan kepada pihak FELDA berkenaan kesalah lakuan pentadbir harta pewarisan.

Ia merupakan rentetan daripada isu status tanah pewarisan FELDA. Tambahan pula sebahagian besar peneroka dan ahli waris tidak memahami berkenaan keunikan status tanah FELDA ini. Ini dapat dibuktikan dengan data yang diperolehi daripada kajian yang sama dijalankan di FELDA Taib Andak yang menyatakan bahawa sebanyak 189 (90.4 peratus) responden tidak memahami status dan peruntukan undang-undang yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada tanah FELDA.²⁰ Ini juga disokong oleh kenyataan daripada Pengurus FELDA Sg. Tiang yang menyatakan:

“Setakat sekarang, jika kes pentadbir pecah amanah atau apa-apa kes yang pecah amanah, kami boleh kesan lah, sebab dari pendapatan hasil dan lain-lain

¹⁹ Norazila Mat Husain & Nasrul Hisyam, “Mekanisme Pembahagian Harta Pusaka Tanah Rancangan: Kajian di FELDA Taib Andak, Kulai Johor”, *Jurnal KANUN*, vol 25, no. 1, (2013): 16.

²⁰ Ibid.

yang kami urus, kami akan ada penyata pendapatan bulanan.” – (Pengurus FELDA Sg. Tiang)

Kenyataan ini menggambarkan bahawa meskipun sistem kawalan FELDA telah menetapkan mekanisme pemantauan melalui hasil penyata pendapatan bulanan setelah tolak hutang. Namun, masih berlaku pentadbir pecah amanah yang tidak menjalankan tugas secara bertanggungjawab. Begitu juga dengan kenyataan daripada Penyelia Rancangan Tanah FELDA Sg. Tiang yang menyatakan berkenaan kes pecah amanah:

“...kes pentadbir pecah amanah, adik beradik yang lain boleh buat petisyen di Pejabat Tanah untuk ulang bicara dengan alasan tidak amanah. Dengan syarat semua ahli waris. Sebab Pejabat Tanah akan panggil semua ahli waris. Kami akan ikut keputusan yang mahkamah keluarkan setelah selesai bicara semula.”

Maka, pentadbir yang tidak amanah dalam pembahagian harta kepada ahli waris akan menyebabkan pelanggaran pekeliling ketua pengarah tanah dan galian persekutuan dibawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Pekeliling tersebut menyatakan keperluan pentadbir tanah menyatakan sekurang-kurangnya dua pentadbir harta pusaka bagi urusan hakmilik dan daftar pegangan melibatkan tanah-tanah si mati dibawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960.²¹

Jadi, adalah difahami bahawa apabila pentadbir harta pusaka gagal membuat urusan hakmilik dan daftar pegangan peneroka seperti yang disyaratkan, maka ia sudah mencatatkan pelaksanaan pekeliling ini dan merencatkan perancangan FELDA dalam memacu ekonomi melalui pertanian secara langsung. Jika isu ini tidak ditangani dengan lebih tegas, ia mampu menjejaskan kesejahteraan waris peneroka yang berhak ke atas harta tersebut.

²¹ “Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 12/2009”, <https://www.jkptg.gov.my/my/panduan/senarai-pekelling/pekelling-terbuka/item/pekelling-ketua-pengarah-tanah-dan-galian-persekutuan-bilangan-12-2009>

Cadangan Penyelesaian

a. Pelaksanaan *Takhāruj*, Hibah dan Wasiat

Takhāruj adalah mekanisme perdamaian waris, di mana salah seorang waris melepaskan haknya dengan bayaran atau secara sukarela. Hibah dan Wasiat dicadangkan sebagai langkah awal semasa peneroka masih hidup bagi mengelakkan pertikaian selepas kematian. FELDA boleh memainkan peranan dalam menstruktur mekanisme ini secara sistematik agar tidak menindas mana-mana waris.

b. Pembangunan Modul Pewarisan FELDA

Penyelidik mencadangkan agar FELDA membangunkan modul rasmi untuk memberi kefahaman kepada peneroka dan waris berkaitan status tanah, proses pentadbiran, perundangan, serta pentingnya pengurusan pewarisan awal. Modul dicadangkan merangkumi bengkel, buku panduan, konsultasi khusus dan video interaktif untuk pendidikan waris.

c. Pindaan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960

Sekatan seperti larangan pecah sempadan, had pentadbir, dan kekangan penukaran hak telah menyukarkan proses pewarisan. Dicadangkan agar pindaan ke atas Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dibuat untuk lebih fleksibel, seiring keperluan semasa dan perubahan generasi peneroka. Pindaan perlu mematuhi konsep *Maṣlahah al-Mursalah*, *Taysīr*, dan kekal dalam kerangka maqasid syariah, khususnya dalam aspek pemeliharaan harta (*Ḥifz al-Māl*). Tujuannya adalah agar pewarisan dapat berlaku dengan lebih sistematik, sah di sisi syarak, dan memberi manfaat ekonomi jangka panjang kepada waris.

RUJUKAN

- “Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 12/2009”, <https://www.jkptg.gov.my/my/panduan/senarai-pekeling/pekeling-terbuka/item/pekeling-ketua-pengarah-tanah-dan-galian-persekutuan-bilangan-12-2009>
- Al-Ansārī, Zakariyyā Muḥammad, *al-Ghurar al-Bahīyyah fī Sharḥ al-Bahjah al-Wardiyyah* (al-Matba’ah al-Maimaniyyah, tt).
- Al-Bulqīnī, ‘Umar Ruslān, *al-Tadrīb Fī al-Fiqh al-Shafi’ī*, Tahqīq Nashat Kamal, (Dar al-Qiblatain, 2012).
- Ali Akbar, “Konsep Kepemilikan Dalam Islam”. *Jurnal Ushuluddin*, 18, no. 2 (2012)
- Al-Mawsū’ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaytiyyah*. Wizārah al-Awqāf Wa al-Syu’ūn al-Islamiyyah, 1984-2006.
- Al-Zabīdī, Muḥammad Murtaḍā, *Tāj al-‘Arūs Min Jawāhir al-Qamūs* (Wizarah al-Irsyad wa al-Anba’Fi Kuwait, 1995-2001).
- Bibi Nur Adila & Md Yazid, “Kekangan dan Penyelesaian Kelewatan Pengurusan Aset Pusaka Tak Alih Orang Islam di Malaysia”, *ISLAMIIYAT* 38, no. 1, (2016).
- Ikbal Salam. (2020, September), Polemik Pusaka di Tanah Rancangan FELDA, <https://bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1884652>
- Jufriadi Ramli & Iknor Azli Ibrahim, Perkahwinan dengan Wanita Ahli Kitab Menurut Ijtihad Umar bin al-Khattab, *BITARA International Journal of Civillizational Studies and Social Sciences* 5,2 (2022).
- Laman Sesawang FELDA, <https://www.felda.gov.my/peneroka/sumbangan-sosioekonomi/pewarisan>.
- Nik Erman, “Masalah Hak Pewarisan Peneroka FELDA, Bertentangan dengan Hukum Islam ?”, (2022, Oktober, <https://law-aka.com/masalah-hak-pewarisan-peneroka-felda-bertentangan-dengan-hukum-islam/>).
- Noorizan Mohamed Hasnan, Hairunnizam Wahid, Mohd Zamro Muda & Mohd Yassin Mohd Yusof, “Pindaan Akta GSA (2002) dan Cadangan Model Pembahagian Harta Pusaka Tanah Rancangan

FELDA”, dibentangkan di Persada Canselori UKM, 12 September-13 September, 2017.

Norazila Mat Husain & Nasrul Hisyam, Mekanisme Pembahagian Harta Pusaka Tanah Rancangan: Kajian di FELDA Taib Andak, Kulai Johor, *Jurnal KANUN* 25, no. 1,(2013).

Portal Rasmi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, <https://www.jkptg.gov.my/my/panduan/senarai-undang-undang/akta-tanah-kawasan-penempatan-berkelompok-1960>.

[Temubual bersama Pengurus FELDA Sg. Tiang dan Penyelia Tanah Rancangan FELDA Sg. Tiang yang di temubual pada 26 Februari 2025.](#)

Wikipedia, *Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan*, tt, https://ms.wikipedia.org/wiki/Lembaga_Kemajuan_Tanah_Perskutuan#Sejarah